A

AHMAD ZUKNI JOHARI

lwn.

SISTEM TELEVISYEN MALAYSIA BHD (TV3) & YANG LAIN

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
TENGKU MAIMUN H
[GUAMAN SIVIL NO: MT3-22-984-2004]
19 JANUARI 2012

C

TORT: *Fitnah - Kata-kata fitnah - Penyiaran melalui program televisyen kata-kata dan gambaran visual yang didakwa memfitnahkan - Penyiaran dan penerbitan perkataan-perkataan melalui 'voice over' bahawa seseorang ditahan kerana terbabit dalam kes serangan seksual*
D *kanak-kanak disertai klip video plaintif dalam keadaan bergari - Sama ada membawa maksud sebagai merujuk kepada plaintif - Sama ada membawa imputasi-imputasi bersifat fitnah - Sama ada perkataan-perkataan menyebut secara khususnya kepada orang lain - Sama ada reputasi plaintif terjejas - Sama ada akibat penyiaran dan penerbitan*
E *plaintif diheret ke dalam kebencian dan kehinaan*

TORT: *Fitnah - Pembelaan - Kepentingan awam Reynolds - Sama ada defendan berhak bergantung kepada perlindungan bersyarat - Sama ada wujudnya elemen tanggungjawab dan kepentingan - Defendan*
F *melaksanakan tanggungjawabnya membuat liputan mengenai kes rogol - Sama ada defendan menyiarkan perkataan-perkataan itu dijajarkan dengan gambar plaintif dengan niat jahat*

Defendan pertama, satu stesyen televisyen swasta, mempunyai program "Rancangan 999" yang merupakan program mingguan
G yang memaparkan laporan jenayah di Malaysia. Defendan kedua adalah penerbit manakala defendan ketiga adalah penyampai program tersebut. Pada 29 September 2003, Rancangan 999 menyiarkan suatu segmen yang mana 'voice over' segmen tersebut mengandungi perkataan-perkataaan yang menyatakan bahawa
H seorang penjaga ditahan kerana disyaki terbabit dalam kes serangan seksual ke atas empat orang kanak-kanak adik-beradik berumur di antara lima dan lapan tahun ('perkataan-perkataan itu'). Penyiaran dan penerbitan perkataan-perkataan itu disertai dengan klip video/ visual yang menunjukkan, antara lain, plaintif dalam keadaan
I bergari bersama seorang lagi. Plaintif mengatakan defendan-defendan telah memfitnah dirinya. Menurut plaintif, segmen tersebut, perkataan-perkataan tersebut dan gambar tersebut

bilamana disaksikan secara kolektif dan secara keseluruhan telah membawa maksud atau difahami sebagai merujuk kepada plaintif. Plaintif seterusnya mengatakan akibat penyiaran dan penerbitan perkataan-perkataan dan gambar tersebut, plaintif telah diheret ke dalam skandal umum, kebencian dan kehinaan dan telah mengalami kecederaan terhadap peribadinya, reputasi profesion, perniagaannya dan perasaannya. Melalui tindakan ini, plaintif menuntut terhadap defendan-defendan gantirugi am, gantirugi teruk dan/atau teladan setelah permintaan plaintif kepada defendan kedua dan ketiga agar mereka menarikbalik secara umum sepenuhnya penyiaran itu dan memohon maaf kepada plaintif, tidak dipenuhi oleh defendan-defendan. Defendan-defendan di dalam penyata pembelaan terpinda menafikan bahawa perkataan-perkataan itu merujuk kepada plaintif dan menafikan ia membawa maksud seperti dikatakan plaintif. Defendan-defendan juga memplid perlindungan bersyarat dan/atau pembelaan kepentingan awam Reynolds.

Diputuskan (menolak tuntutan plaintif):

(1) Tuntutan plaintif di sini timbul kerana ketika perkataan-perkataan itu disiarkan/diterbitkan, ia diselang-selikan atau dijajarkan dengan gambar-gambar plaintif. Tetapi gambar plaintif tidak boleh dilihat secara berasingan. Perkataan-perkataan dan gambar tersebut mesti dilihat secara kolektif dan keseluruhan. Perkataan-perkataan itu sebaliknya menyebut dan merujuk secara khususnya kepada seorang yang lain bernama Dipitif Arshad yang dikenalpasti sebagai seorang nelayan. (perenggan 22 & 23)

(2) Gambar plaintif kelihatan sebanyak dua kali ketika perkataan-perkataan itu diterbitkan dan pada setiap kali, plaintif dilihat bergari bersama seorang lain. Keseluruhan segmen mengenai tuduhan rogol itu memakan masa 1 minit 30 saat. Paparan gambar plaintif selama 5 saat tidaklah merupakan sebahagian besar rancangan itu. Seorang yang waras yang tidak mengenali plaintif tidak akan berpendapat bahawa plaintif adalah suspek yang dilaporkan itu kerana seorang yang waras tidak akan memahami dan menganggap seorang nelayan akan berpakaian 'bush jacket' seperti plaintif. Seseorang yang waras yang mengenali plaintif pula, yang mendengar perkataan-perkataan itu dan melihat gambar plaintif secara keseluruhannya tidak akan memahami bahawa perkataan-perkataan itu merujuk

kepada plaintif kerana perkataan-perkataan itu dengan jelas menyebut nama orang lain iaitu Dipitif Arshad. Plaintif juga adalah seorang jurutera manakala perkataan-perkataan itu menyebut suspek sebagai nelayan. (perenggan 26 & 30)

(3) Gambar tersebut telah diambil di mahkamah dan mahkamah adalah tempat awam. Adalah lazim bagi pihak media membuat laporan mengenai kes-kes di mahkamah. Hakikatnya adalah gambar plaintif disiarkan kerana secara kebetulan beliau juga berada di mahkamah menghadapi suatu pertuduhan jenayah yang lain dan plaintif telah digari bersama seorang yang lain itu di mahkamah ketika gambar seorang yang lain itu diambil dan disiarkan di dalam rancangan 999 oleh defendan-defendan. Justeru, apabila dilihat secara keseluruhannya, perkataan-perkataan dan gambar tersebut tidak membawa maksud dan/atau difahami merujuk kepada plaintif dan tidak membawa maksud dan/atau difahami dan/atau membawa imputasi-imputasi bersifat fitnah. (perenggan 35 & 36)

(4) Plaintif mengatakan reputasinya terjejas dan beliau dipinggirkan selepas penyiaran tersebut. Namun plaintif gagal membuktikan bahawa akibat penyiaran dan penerbitan perkataan-perkataan dan gambar tersebut, plaintif telah diheret ke dalam kebencian dan kehinaan dan mengalami kecederaan reputasi. Adalah juga keterangan plaintif bahawa selepas penyiaran segmen tersebut, beliau tidak diminta berhenti kerja atau diminta menjelaskan mengenai penerbitan itu. Plaintif hanya berhenti kerja pada tahun 2005. Tiada bukti bahawa tindakan plaintif berhenti kerja dua tahun selepas penyiaran segmen tersebut adalah akibat daripada penyiaran segmen itu. (perenggan 37 & 38)

(5) Defendan-defendan di sini berhak bergantung kepada perlindungan bersyarat. Prinsip perlindungan bersyarat secara tradisinya menghendaki wujud elemen tanggungjawab dan kepentingan. Kesalahan seksual terhadap kanak-kanak adalah jenayah yang berat terhadap masyarakat dan adalah perkara kepentingan awam. Defendan-defendan hanya melaksanakan tanggungjawabnya dalam membuat liputan mengenai kes rogol itu. Seterusnya, tidak timbul soal defendan-defendan mendapatkan pengesahan daripada plaintif kerana segmen itu dan perkataan-perkataan itu bukanlah berkenaan plaintif. Juga tiada bukti bahawa defendan-defendan menyiarkan perkataan-perkataan itu dengan diselang-seli dan/atau dijajarkan dengan gambar plaintif dengan niat jahat. (perenggan 39 & 43)

Kes-kes yang dirujuk:

A Balakrishnan & Ors v. Nirumalan K Pillay & Ors [1999] 3 SLR 22 ***(dirujuk)***

Halim Arsyat v. Sistem Televisyen Malaysia Bhd & Ors [2001] 7 CLJ 268 HC ***(dirujuk)***

Jones v. Skelton [1963] 3 All ER 952 ***(dirujuk)***

Knupffer v. London Express Newspaper Ltd [1944] AC 116 ***(dirujuk)***

Morgan v. Odhams Press Ltd [1971] 1 WLR 1239 ***(dirujuk)***

Reynolds v. Times Newspaper Ltd [2001] AC 127 ***(dirujuk)***

Rubber Improvement Ltd & Anor v. Daily Telegraph Ltd [1964] AC 234 ***(dirujuk)***

S Pakianathan v. Jenni Ibrahim & Another Case [1988] 1 CLJ 771; [1988] 1 CLJ (Rep) 233 SC ***(dirujuk)***

Sadgrove v. Hole [1901] 2 KB 1 ***(dirujuk)***

Bagi pihak plaintif - Saras Maalini Abishegam; T/n Shafee & Co

Bagi pihak defendan-defendan - Liew Teck Huat (Lim Qi Si bersamanya); T/n T H Liew & Partners

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Tengku Maimun H:

[1] Defendan pertama adalah stesyen televisyen swasta yang dikenali sebagai TV3 dan mempunyai program televisyen "Rancangan 999". Rancangan 999 merupakan program mingguan yang memaparkan laporan jenayah di Malaysia. Di dalam program ini laporan berkenaan pelbagai jenayah yang dilakukan oleh orang yang tidak dikenali atau prosiding jenayah di mahkamah akan ditayangkan. Defendan kedua adalah penerbit manakala defendan ketiga adalah penyampai program tersebut.

[2] Pada 29 September 2003, Rancangan 999 menyiarkan suatu segmen yang mana 'voice over' segmen tersebut mengandungi perkataan-perkataan berikut:

> Siaran 999 15 September lalu menyiarkan laporan penahanan seorang penjaga berumur 57 tahun oleh ibu pejabat polis daerah IPD Banting kerana disyaki terbabit dalam kes serangan seksual ke atas empat orang kanak-kanak adik beradik berumur di antara 5 dan 8 tahun. Sabtu lalu suspek seorang nelayan dikenali sebagai Dipitif Arshad mengaku tidak bersalah di atas 13 tuduhan iaitu

merogol, mencabul dan melakukan seks oral, membabitkan 4 kanak-kanak berkenaan. Tertuduh di dakwa melakukan kesemua perbuatan itu di antara Januari 2002 dan Ogos lepas di sebuah rumah di Lot 916, batu 22 1/2, Kanchong Darat, Banting, Selangor. Tertuduh tidak ditawarkan sebarang jaminan dan ditahan dipenjara. Kes itu akan disebut semula pada 29 Oktober depan.

(selepas ini dirujuk sebagai perkataan-perkataan itu).

[3] Penyiaran dan penerbitan perkataan-perkataan itu disertai dengan klip video/visual yang menunjukkan antara lain, plaintif dalam keadaan bergari bersama seorang lagi (gambar tersebut).

[4] Plaintif mengatakan defendan-defendan telah memfitnah dirinya. Di dalam penyata tuntutan, khususnya di perenggan 6 dan 7 plaintiff mengatakan bahawa:

6. Segmen tersebut, perkataan-perkataan tersebut dan gambar tersebut yang dirujuk bilamana disaksikan secara kolektif dan secara keseluruhan telah membawa maksud dan/atau difahami sebagai merujuk kepada plaintif.

7. Dalam pengertian yang biasa dan natural dan dalam konteks segmen tersebut, perkataan-perkataan tersebut dan gambar tersebut apabila disaksikan secara kolektif dan secara keseluruhan, membawa maksud dan/atau difahami membawa maksud bahawa:

Butir-Butir Maksud

(a) Plaintif telah ditahan kerana disyaki menyerang secara seksual terhadap kanak-kanak yang berumur di antara 5 dan 8 tahun;

(b) Plaintif telah menyerang secara seksual empat (4) kanak-kanak yang berumur di antara 5 dan 8 tahun;

(c) Plaintif adalah bersalah dalam melakukan jenayah seksual terhadap kanak-kanak berumur di antara 5 dan 8 tahun;

(d) Plaintif telah dituduh bagi 13 kesalahan jenayah, termasuk rogol, mencabul kehormatan dan melakukan seks oral terhadap keempat-empat kanak-kanak tersebut;

(e) Plaintif telah dianggap melakukan perbuatan-perbuatan tersebut di antara Januari 2002 dan Ogos 2003, disebuah rumah di Lot 916, Batu 22 ½, Kanchong Darat, Banting;

(f) plaintif adalah 'paedophile'; dan

(g) plaintif adalah seorang yang bermoral rendah.

[5] Plaintif seterusnya mengatakan akibat penyiaran dan penerbitan perkataan-perkataan dan gambar tersebut, plaintif telah diheret ke dalam skandal umum, kebencian dan kehinaan dan telah mengalami kecederaan terhadap peribadinya, reputasi profesion, perniagaannya dan perasaannya.

[6] Melalui tindakan ini plaintif, seorang jurutera professional, menuntut terhadap defendan-defendan gantirugi am, gantirugi teruk dan/atau teladan setelah permintaan plaintif melalui surat peguamcaranya bertarikh 17 Februari 2004 kepada defendan kedua dan ketiga agar mereka menarik balik secara umum sepenuhnya penyiaran itu dan memohon maaf kepada plaintif, tidak dipenuhi oleh defendan-defendan.

[7] Defendan-defendan tidak menafikan bahawa ketika perkataan-perkataan itu disiarkan di dalam Rancangan 999, klip video plaintif yang bergari bersama seorang yang yang lain telah dipaparkan. Namun defendan-defendan di dalam penyata pembelaan terpinda menafikan bahawa perkataan-perkataan itu merujuk kepada plaintif dan menafikan ia membawa maksud seperti dikatakan plaintif. Defendan-defendan juga memplid perlindungan bersyarat dan/atau pembelaan kepentingan awam 'Reynolds'.

[8] Butir-butir pembelaan perlindungan bersyarat adalah seperti berikut:

(a) jenayah seks, terutamanya jenayah seks yang dilakukan ke atas kanak-kanak adalah tersangat kejam.

(b) Rakyat mempunyai kepentingan hendak mengetahui tentang fidofilia, perogol dan pencabul yang disyaki itu agar mereka boleh melindungi anak-anak dan keluarga mereka daripada golongan kejam itu.

(c) Dipitif Arshad telah ditangkap kerana jenayah seks ke atas 4 orang kanak-kanak. Adalah menjadi kepentingan awam bagi defendan menyiarkan maklumat mengenai penangkapan beliau dan pertuduhan-pertuduhan yang menyebabkan beliau tertangkap.

(d) Dengan alasan-alasan di atas, adalah merupakan kepentingan awam bagi pesalah-pesalah jenayah seks didedahkan dan dibawa kepada perhatian rakyat.

A **Keterangan**

[9] Plaintif (SP1) di dalam keterangan mengatakan bahawa defendan-defendan telah memfitnahnya dengan menyiarkan perkataan-perkataan dan gambar tersebut; bahawa segmen tersebut
B yang mengandungi perkataan-perkataan itu yang diselang-seli dan/atau dijajarkan dengan gambar tersebut merujuk kepadanya; bahawa bagi orang-orang yang tidak mengenali dirinya yang menonton program tersebut akan beranggapan bahawa beliaulah orang yang telah ditahan dan dituduh atas kesalahan merogol,
C mencabul dan melakukan seks oral ke atas 4 kanak-kanak adik-beradik berumur 5 dan 8 tahun; bagi orang-orang yang mengenali dirinya dan yang telah menonton program tersebut dengan sepintas lalu akan beranggapan yang sama.

D **[10]** Plaintif juga mengatakan bahawa selepas penyiaran segmen tersebut ramai kawan-kawan beliau termasuk daripada dunia korporat dan juga saudara-maranya telah menghindarkan diri mereka daripadanya dan beliau merasa malu dan mula menyepi diri dan malahan telah juga berhenti kerja semenjak tahun 2005.

E **[11]** SP2 rakan plaintif memberi keterangan bahawa beliau menonton rancangan itu secara sepintas lalu dan terkejut melihat SP1 digari dan dituduh merogol budak kecil.

[12] Intipati keterangan defendan kedua dan ketiga (SD1 dan
F SD2) adalah bahawa subjek laporan/segmen tersebut adalah kepada tertuduh yang didakwa melakukan jenayah seksual terhadap kanak-kanak; bahawa laporan itu bukan mengenai plaintif dan bahawa fokus laporan adalah terhadap orang yang bergari bersama plaintif.

G **Keputusan**

[13] Untuk berjaya dalam tuntutannya, plaintif perlu membuktikan perkara-perkara berikut:

H (i) Perkataan-perkataan itu berunsur fitnah;

(ii) Perkataan-perkataan itu merujuk kepadanya; dan

(iii) Perkataan-perkatan itu diterbitkan kepada pihak ketiga.

I

[14] Perkara (iii) tidak menjadi pertikaian di sini. Mengenai perkara (i), saya bersetuju perkataan-perkataan itu bersifat fitnah jika ia merujuk kepada plaintif memandangkan plaintif tidak dituduh atas kesalahan merogol kanak-kanak. Persoalannya ialah sama ada perkataan-perkataan itu yang diselang-selikan dan dijajarkan dengan gambar tersebut merujuk kepada plaintif.

[15] Prinsip undang-udang ialah 'It is always for the plaintiff to prove that the defamatory words were published of and concerning him. The onus is firmly on him, and if he does not discharge it, he has no cause of action' (*Sadgrove v. Hole* [1901] 2 KB 1, 4).

[16] Keterangan SP2 adalah bahawa perkataan-perkataan itu merujuk kepada plaintif. Lord Reid di dalam kes *Morgan v. Odhams Press Ltd* [1971] 1 WLR 1239 menyatakan di ms. 1245:

> The fact that a number of honest witnesses formed a certain view is by no means conclusive. It is only an item of evidence. It is for the judge to decide whether on the evidence an ordinary sensible man could draw an inference that the article referred to the plaintiff.

[17] SP2 tidak melihat penerbitan perkataan-perkataan dan gambar itu dalam konteks keseluruhannya kerana beliau hanya menonton rancangan itu sepintas lalu. Sedemikian keterangan SP2 tidak menyokong kes plaintif kerana plaintif sendiri bergantung kepada pengertian perkataan-perkataan dan gambar itu secara kolektif dan keseluruhan (perenggan 6 penyata tuntutan).

[18] Walau apapun, keterangan SP2 adalah material dalam memutuskan persoalan fakta iaitu sama ada penerbitan perkataan-perkataan itu membawa seorang yang mengenali plaintif kepada suatu kesimpulan bahawa ia merujuk kepada plaintif. Sebelum persoalan fakta ini dipertimbangkan, persoalan undang-undang perlu diputuskan terlebih dahulu iaitu sama ada perkataan-perkataan itu, mengambilkira bahasanya, boleh dianggap sebagai merujuk kepada plaintif.

[19] Pendekatan ini dinyatakan di dalam kes *Knupffer v. London Express Newspaper Ltd* [1944] AC 116, di mana Viscount Simon LC menyatakan di ms 121:

A There are two questions involved in the attempt to identify the appellant as the person defamed. The first question is a question of law – can the article, having regard to its language, be regarded as capable of referring to the appellant? The second question is question of fact – does the article, in fact, lead reasonable people, who know the appellant, to the conclusion that it does refer to him? Unless the first question can be answered in favour of the appellant, the second question does not arise ...

[20] *"The Law of Defamation in Malaysia and Singapore"* oleh Ramsamalar Poopalasingam [1988] 1 MLJ cvi menyatakan:

C The law of defamation in Malaysia and Singapore closely follows the English laws on defamation. It is a matter of law for the judge to determine whether or not the words complained of are capable of a defamatory meaning and whether the words complained of are capable of being taken as referring to the plaintiff. In practice, D this is certainly not an easy decision to make and may lead to division of judicial opinion. If the judge is left in doubt, he should rule that the words are incapable of a defamatory meaning.

[21] Di peringkat pemeriksaan utama, melalui soalan dan jawapan E No. 12 dan 13 penyata saksinya, keterangan plaintif adalah seperti berikut:

Q12 Adakah program tersebut yang mengandungi segmen tersebut yang mengandungi perkataan-perkataan tersebut dengan gambar kamu di dalam keadaan bergari diselang-F selikan (interspersed) dan/atau berjajaran (juxtaposed) dengannya merujuk kepada kamu?

A12 Ya.

Q13 Kenapa kamu berkata demikian?

G

A13 Kerana sebahagian besar program tersebut yang mengandungi segmen tersebut yang mengandungi perkataan-perkataan tersebut telah diselang-selikan (interspersed) dan/atau dijajarkan (juxtaposed) dengan gambar saya di dalam keadaan bergari.

H

Sekiranya yang sama tidak merujuk kepada saya, masakan sebahagian besar yang sama akan diselang-selikan (interspersed) dan/atau dijajarkan (juxtaposed) dengan gambar saya di dalam keadaan bergari ...

I

[22] Klip video itu telah dimainkan beberapa kali di dalam mahkamah ketika perbicaraan kes ini dan saya sendiri melihatnya semula beberapa kali dalam menyediakan keputusan ini. Sebenarnya dalam kes ini tidak sukar untuk menentukan bahawa perkataan-perkataan itu tidak langsung menyebut atau merujuk kepada plaintif. Perkataan-perkataan itu sebaliknya menyebut dan merujuk secara khususnya kepada seorang yang lain bernama Dipitif Arshad yang dikenal pasti sebagai seorang nelayan.

[23] Tuntutan plaintif di sini timbul kerana ketika perkataan-perkataan itu disiarkan/diterbitkan, ia diselang-selikan atau dijajarkan dengan gambar-gambar plaintif. Tetapi gambar plaintif tidak boleh dilihat secara berasingan. Seperti diplid oleh plaintif, perkataan-perkataan dan gambar tersebut mesti dilihat secara kolektif dan keseluruhan.

[24] Melalui perenggan 7 penyata tuntutan, plaintif memplid bahawa dalam pengertian yang biasa dan natural (natural and ordinary meaning) perkataan-perkataan dan gambar tersebut apabila disaksikan secara kolektif dan keseluruhan membawa maksud bahawa plaintif ditahan kerana kesalahan merogol kanak-kanak; telah menyerang kanak-kanak secara seksual; telah bersalah dalam melakukan jenayah seksual; dituduh bagi 13 kesalahan jenayah termasuk rogol, mencabul kehormatan dan melakukan seks oral; plaintif dianggap melakukan perkara-perkara tersebut di antara Januari 2002 dan Ogos 2003 di sebuah rumah Lot 916, Batu 22 ½ Kancong Darat, Banting; bahawa plaintif seorang 'paedophile' dan plaintif adalah seorang bermoral rendah.

[25] Di dalam kes *Halim Arsyat v. Sistem Televisyen Malaysia Bhd & Ors* [2001] 7 CLJ 268 Kamalanathan Ratnam HMT ketika membincangkan perkataan 'ordinary and natural meaning' telah merujuk kepada kes-kes *Jones v. Skelton* [1963] 3 All ER 952 dan *A Balakrishnan & Ors v. Nirumalan K Pillay & Ors* [1999] 3 SLR 22. YA menyatakan "In short, what these authorities suggest is that the plain and ordinary meaning of words necessarily excludes the knowledge of extraneous circumstances. Again, in *Rubber Improvement Ltd & Anor v. Daily Telegraph Ltd* [1964] AC 234 Lord Reid explained at p. 258 that: What the ordinary man would infer without special knowledge has generally been called the natural and ordinary meaning ..."

A **[26]** Gambar plaintif kelihatan sebanyak dua kali ketika perkataaan-perkataan itu diterbitkan dan pada setiap kali, plaintif dilihat bergari bersama seorang lain. Kali pertama gambar plaintif disiarkan, ia dapat dilihat selama dua saat dan pada kali kedua, ia muncul dalam tiga saat. Keseluruhan segmen mengenai tuduhan
B rogol itu memakan masa satu minit 30 saat. Paparan gambar plaintif selama lima saat tidaklah merupakan sebahagian besar rancangan itu seperti dikatakan plaintif.

[27] Sebelum gambar plaintif ditunjukkan, gambar seorang yang
C lain yang memakai baju T telah terlebih dahulu disiarkan ketika penyiaran perkataan-perkataan itu. Seorang yang lain itu ditunjukkan bersendirian. Kemudiannya gambar plaintif ditunjukkan di mana beliau dilihat bergari bersama-sama seorang lain yang telah ditunjukkan terdahulu itu. Plaintif di dalam gambar tersebut dilihat
D berpakaian 'bush jacket'.

[28] Plaintif mengatakan seorang yang tidak mengenali beliau akan menganggap beliaulah yang dituduh melakukan jenayah seksual terhadap kanak-kanak.

E **[29]** Seorang yang waras yang tidak mengenali plaintif tidak akan berpendapat bahawa plaintif adalah suspek yang dilaporkan itu kerana seorang yang waras tidak akan memahami dan menganggap bahawa seorang nelayan akan berpakaian 'bush jacket'. Sebaliknya seorang yang waras akan memahami dan menganggap bahawa
F orang yang memakai baju T itulah nelayan.

[30] Seseorang yang waras yang mengenali plaintif pula, yang mendengar perkataan-perkataan itu dan melihat gambar plaintif secara keseluruhannya tidak akan memahami bahawa perkataan-
G perkataan itu merujuk kepada plaintif. Ini kerana perkataan-perkataan itu dengan jelas menyebut nama orang lain iaitu Dipitif bin Arshad. Juga seorang yang waras yang mengenali plaintif tidak akan memahami perkataan-perkataan itu sebagai merujuk kepada plaintif kerana plaintif adalah seorang jurutera manakala perkataan-
H perkataan itu menyebut suspek sebagai nelayan.

[31] Gambar itu diambil di mahkamah dan mahkamah adalah tempat awam. Adalah lazim bagi pihak media membuat laporan mengenai kes-kes di mahkamah. Di sini laporan atau penyiarannya
I adalah berkenaan pertuduhan terhadap Dipitif Arshad atas kesalahan merogol kanak-kanak.

[32] Berdasarkan keterangan plaintif sendiri, plaintif ketika itu berada di mahkamah dalam keadaan bergari kerana dituduh atas suatu kesalahan 'forgery'. Gambar seorang lain yang digari bersama plaintif dilihat sebanyak empat kali; dua kali kelihatan bergari bersama plaintif dan dua kali bersendirian. Seorang lain ini tidak mengadap kamera tetapi menundukkan muka pada kesemua masa gambarnya diambil.

[33] Plaintif mengatakan seorang lain yang bergari bersama beliau adalah bekas setiausaha beliau. Seorang yang biasa yang tidak memiliki pengetahuan khusus itu akan memahami dan beranggapan perkataan-perkataan itu dan gambar yang ditunjukkan mula-mula sekali ketika perkataan-perkataan itu disiarkan iaitu seorang yang memakai baju T yang menundukkan muka; yang gambarnya disiar berulang kali yang pada kali pertama dan kali keempat dilihat dibawa oleh polis secara bersendirian, orang itulah yang dimaksudkan oleh perkataan-perkataan itu. Dengan kata lain fokus perkataan-perkataan dan gambar itu pada fahaman seorang biasa yang waras adalah pada seorang yang lain itu.

[34] Dihujahkan oleh peguamcara bijaksana plaintif bahawa defendan-defendan tidak memplid atau membuktikan bahawa seorang yang lain itu adalah Dipitif Arshad. Sama ada seorang yang lain yang digari bersama plaintif itu sebenarnya Dipitif Arshad atau bekas setiausaha plaintif bukanlah isu yang perlu diputuskan di sini. Isunya ialah identiti plaintif berkaitan perkataan-perkataan yang bersifat fitnah itu. Oleh sebab itu tidak timbul keperluan untuk saya menimbang dan/atau membenarkan permohonan peguamcara bijaksana plaintif melalui suratnya bertarikh 17 Januari 2012 untuk menukar tarikh keputusan pada 19 Januari 2012 sebagai tarikh bicara bagi maksud memanggil bekas setiausaha plaintif memberi keterangan.

[35] Hakikatnya ialah gambar plaintif disiarkan kerana secara kebetulan beliau juga berada di mahkamah menghadapi suatu pertuduhan jenayah yang lain dan plaintif telah digari bersama seorang yang lain itu di mahkamah ketika gambar seorang yang lain itu diambil dan disiarkan di dalam rancangan 999 oleh defendan-defendan.

[36] Justeru, apabila dilihat secara keseluruhannya, perkataan-perkataan dan gambar tersebut tidak membawa maksud dan/atau difahami merujuk kepada plaintif dan tidak membawa maksud dan/atau difahami dan/atau membawa imputasi-imputasi bersifat fitnah seperti diplid oleh plaintif di dalam perenggan 7 penyata tuntutan.

[37] Plaintif mengatakan reputasinya terjejas dan beliau dipinggirkan selepas penyiaran tersebut. Namun plaintif gagal membuktikan bahawa akibat penyiaran dan penerbitan perkataan-perkataan dan gambar tersebut, plaintif telah diheret ke dalam kebencian dan kehinaan dan mengalami kecederaan reputasi.

[38] Keterangan menunjukkan plaintif pernah menjawat jawatan di Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan bersara dari PUNB pada tahun 2001 selepas beliau dituduh dengan suatu kesalahan memalsukan dokumen. Penyiaran segmen tersebut berlaku pada tahun 2003. Di antara tahun 2001 sehingga 2005 plaintif menjadi penasihat kepada Juken Consultancy Sdn Bhd. Adalah juga keterangan plaintif bahawa selepas penyiaran segmen tersebut, beliau tidak diminta berhenti kerja atau diminta menjelaskan mengenai penerbitan itu. Plaintif hanya berhenti kerja pada tahun 2005. Tidak ada bukti bahawa tindakan plaintif berhenti kerja dua tahun selepas penyiaran segmen tersebut adalah akibat daripada penyiaran segmen itu.

Pembelaan Perlindungan Bersyarat/Kepentingan Awam Reynolds

[39] Jika sekalipun dikatakan perkataan-perkataan itu merujuk kepada plaintif, saya berpendapat defendan-defendan berhak bergantung kepada perlindungan bersyarat.

[40] Prinsip perlindungan bersyarat secara tradisinya menghendaki wujud elemen tanggungjawab dan kepentingan (duty and interest) (lihat kes *S Pakianathan v. Jenni Ibrahim & Another Case* [1988] 1 CLJ 771; [1988] 1 CLJ (Rep) 233).

[41] Prinsip tradisi ini telah diperjelaskan melalui kes *Reynolds v. Times Newspaper Ltd* [2001] AC 127 di mana Lord Nicholls menyenaraikan beberapa faktor untuk diambilkira oleh mahkamah dalam memutuskan sama ada sesuatu penerbitan itu dilindungi. Faktor-faktor itu bukanlah suatu yang wajib dipenuhi setiap satunya. Ia adalah panduan mengenai 'responsible journalism' yang mendapat perlindungan bagi penerbitan bersifat fitnah.

[42] Peguamcara bijaksana plaintif berhujah bahawa defendan-defendan tidak boleh menimbulkan pembelaan perlindungan bersyarat kerana tidak terdapatnya "duty and interest" dan tiada kepentingan awam untuk program tersebut yang berkisar kepada

seseorang yang telah dituduh. Peguamcara bijaksana berhujah situasinya mungkin berbeza jika apa yang diterbitkan adalah berkenaan orang yang dicari oleh pihak berkuasa yang mana kesalahannya adalah di atas kepentingan awam untuk diterbitkan.

[43] Saya tidak dapat menerima hujahan peguamcara bijaksana plaintif bahawa tidak wujud keadaan "duty and interest" di sini. Ini kerana plaintif sendiri bersetuju bahawa kesalahan seksual terhadap kanak-kanak adalah jenayah yang berat terhadap masyarakat; bahawa jenayah seksual terhadap kanak-kanak adalah perkara kepentingan awam; dan bahawa defendan-defendan hanya melaksanakan tanggungjawabnya dalam membuat liputan mengenai kes rogol itu.

[44] Dihujahkan juga oleh peguamcara plaintif bahawa defendan-defendan tidak mempraktikkan 'responsible journalism' apabila menggunakan gambar yang tidak dibuktikan gambar Dipitif Arshad; menggunakan gambar plaintif dalam keadaan bergari dengan seorang lagi walhal mereka mempunyai gambar seorang lagi dalam keadaan bergari seorang diri dan tidak mendapat pengesahan plaintif dan/atau pihak polis berkenaan gambar tersebut.

[45] Sekali lagi saya tidak dapat bersetuju dengan peguamcara bijaksana plaintif. Perlu diberi perhatian bahawa gambar tersebut bukanlah merupakan gambar plaintif seorang diri tetapi gambar plaintif bergari bersama seorang yang lain yang mana jika dilihat penerbitan itu secara keseluruhan, seorang yang lain itulah yang menjadi fokus laporan tersebut. SD1 telah memberi penjelasan bahawa dari segi teknik penerbitan, gambar yang berbeza-beza perlu ditunjukkan. Maka oleh sebab itulah gambar seorang yang lain itu ditunjukkan ketika beliau digari berseorangan dan juga ketika bergari bersama plaintif.

[46] Seterusnya, tidak timbul soal defendan-defendan mendapatkan pengesahan daripada plaintif kerana segmen itu dan perkataan-perkataan itu bukanlah berkenaan plaintif. Juga tidak ada bukti bahawa defendan-defendan menyiarkan perkataan-perkataan itu dengan diselang-seli dan/atau dijajarkan dengan gambar plaintif dengan niat jahat.

[47] Berdasarkan perkara-perkara yang dinyatakan di atas, tuntutan plaintif ditolak dengan kos.